

ELEMEN TEMPAT AWAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGUATKUASAAN PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI SELANGOR

ZANARIAH DIMON
zanariah@kuis.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Undang-undang jenayah Syariah di Malaysia memperuntukkan kesalahan dan hukuman berkaitan orang Islam dan dalam bidang kuasa tempatan negeri-negeri di Malaysia. Peruntutannya berdasarkan akta/enakmen jenayah Syariah negeri-negeri. Hukumannya pula terhad setakat mana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984. Penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah berdasarkan beberapa prinsip asas dalam seperti larangan mengintip dan mencari kesalahan yang tersembunyi, akses ke kawasan persendirian mestilah dengan kebenaran dan kesalahan dilakukan di tempat awam. Justeru, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji mengenai salah satu daripada elemen penting dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah iaitu elemen tempat di mana perbuatan jenayah tersebut dilakukan. Tumpuan kajian adalah kepada peruntukan kesalahan yang meletakkan syarat berkaitan tempat awam berdasarkan undang-undang jenayah Syariah di negeri Selangor iaitu Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 (EJS Selangor 1995). Kajian yang dilakukan adalah secara kualitatif dengan mengkaji sumber-sumber bertulis, artikel, jurnal dan dokumen perundangan. Hasil kajian mendapati bahawa elemen perbuatan salah yang melibatkan perlakuan di tempat awam adalah elemen utama bagi penguatkuasaan kebanyakan peruntukan kesalahan dalam EJS Selangor 1995. Penguatkuasaan di tempat persendirian memerlukan kepada aduan dan pembuktian yang jelas. Oleh itu, kesimpulannya, penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah selaras dengan prinsip *amar makruf nahi mungkar* dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Kata Kunci: tempat awam, penguatkuasaan, Enakmen Jenayah Syariah Selangor

1. Pendahuluan

Kertas kerja ini adalah untuk mengkaji mengenai salah satu daripada elemen penting dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah iaitu mengenai elemen tempat perbuatan jenayah tersebut dilakukan. Tumpuan kajian adalah berkaitan peruntukan kesalahan yang meletakkan syarat berkaitan lokasi atau tempat awam berdasarkan undang-undang jenayah Syariah di negeri Selangor iaitu kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 (EJS Selangor 1995). Kajian yang dilakukan adalah secara kualitatif dengan mengkaji sumber-sumber bertulis, artikel, jurnal dan dokumen perundangan. Tujuan kajian adalah untuk menjelaskan bahawa perlakuan salah yang dilakukan di tempat awam adalah kesalahan jenayah yang boleh dikenakan tindakan. Ini bermaksud kepentingan awam adalah asas kepada penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah selaras dengan prinsip *amar makruf nahi mungkar* dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.


2. Bidang Kuasa Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia

Undang-undang jenayah Islam di Malaysia ditafsirkan sebagai kesalahan-kesalahan syariah yang diperuntukkan dalam enakman-enakmen negeri dan hukuman keseksannya setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan iaitu denda, penjara dan sebatan (Abdul Halim El-Muhammady, 1998). Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes berhubung jenayah Syariah tersebut. Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis (Perlembagaan Persekutuan). Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan peruntukan dalam Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984. Bidang kuasa undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan di negeri-negeri di Malaysia telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1 iaitu:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak ebrwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Secara umumnya, berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan tersebut, bidang kuasa jenayah Islam adalah menjadi kuasa negeri-negeri berdasarkan peruntukan kesalahan yang terdapat dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Namun, terdapat juga bidang kuasa

jenayah dalam enakmen-enakmen undang-undang Islam yang lain seperti enakmen pentadbiran agama Islam, enakmen undang-undang keluarga Islam, enakmen tatacara jenayah syariah dan enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama-agama bukan Islam. Oleh itu, kesalahan-kesalahan jenayah boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori. Terdapat empat kategori dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah dan satu lagi dalam kategori am berdasarkan peruntukan yang terdapat di bawah enakmen-enakmen lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 (Siti Zubaidah Ismail, 2017).



Rajah 1 : Bidang Kuasa Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah

Perincian kategori tersebut adalah seperti berikut (Siti Zubaidah Ismail, 2017):

i. Kesalahan berkaitan akidah seperti pemujaan salah, mengajar doktrin palsu, mengembangkan kepercayaan agama selain dari agama Islam, mendakwa diri sebagai Rasul, nabi, Imam Mahdi, wali atau mendakwa mengetahui perkara yang di luar pemahaman manusia.

ii. Kesalahan berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya seperti menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam, mempersendakan ayat al-Quran atau Hadis, menghina atau meningkari pihak berkuasa agama, mengingkari perintah mahkamah, mengajar agama tanpa tauliah, tidak menghormati Ramadan, tidak mengerjakan sembahyang Jumaat, tidak membayar zakat atau fitrah, berjudi, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum syarak, menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama dan minuman yang memabukkan.

iii. Kesalahan berhubung dengan tatasusila seperti sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, percubaan melakukan persetubuhan luar nikah, khalwat, musahaqah, liwat, lelaki berlagak perempuan, perempuan berlagak lelaki, perbuatan tidak sopan di tempat awam, hamil di luar nikah, muqaddimah zina dan persetubuhan dengan bukan manusia.

iv. Kesalahan pelbagai seperti mengalakkan maksiat, mencemarkan masjid, memujuk perempuan lari daripada suami, takfir, memungut zakat atau fitrah tanpa kuasa, qazaf, penyalahgunaan tanda

halal, menghasut suami isteri bercerai atau mengabaikan kewajipan, menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri dan menjual anak kepada orang bukan Islam.

v. Kesalahan matrimoni dan berkaitan akad nikah seperti yang terdapat di dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah: (a)Penalti berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan seperti tidak hadir di hadapan dan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan, gangguan terhadap perkahwinan, akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan dan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan. (b) Penalti am seperti poligami tanpa kebenaran Mahkamah, penceraian diluar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkarnah, menganiaya isteri atau suami dan sebagainya (Nor ‘Adha Abd. Hamid et al. 2017)

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terbatas dan tertakluk kepada perkara-perkara berikut iaitu: Pertama; badan perundangan negeri tidak mempunyai kuasa mengadakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan. Kuasa membuat undang-undang jenayah Islam oleh badan perundangan negeri telah dibataskan dengan peruntukan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri Butiran Satu yang menyebut: “mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan...”.

Ini bermakna, walaupun Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa kepada kerajaan negeri, tetapi kuasa perundangan negeri sebenarnya terhad disebabkan penggubalan kesalahan dan hukuman di bawah perkara-perkara yang tersenarai di Senarai Persekutuan tidak boleh dilakukan (Shamrahayu. 2016). Dalam bidang kuasa jenayah bagi Persekutuan, apa yang diperuntukkan dalam Senarai Persekutuan adalah lebih luas dan eksklusif berbanding Senarai Negeri iaitu: “mengadakan kesalahan-kesalahan mengenai apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diselenggarakan di bawah Undang-undang Persekutuan...”. Oleh itu undang-undang jenayah Islam yang digubal di peringkat negeri dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah tidak boleh bertentangan atau bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan. Ini menunjukkan bahawa kuasa untuk menggubal undang-undang syariah terletak kepada negeri-negeri. Namun bagi memastikan keadilan, Undang-undang Syariah di negeri tidak boleh digubal dalam keadaan bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang digubal di Parlimen. Dalam kes yang terbaru iaitu *Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* (2021), doktrin ini terpakai setakat mana percanggahan itu dan menjadi asas kepada keputusan Mahkamah Persekutuan baru-baru ini. Mahkamah Persekutuan membuat keputusan bahawa peruntukan kesalahan liwat dalam enakmen jenayah syariah negeri Selangor adalah tidak berperlembagaan.

Kedua; Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendakwa kes-kes jenayah syariah ke atas orang yang menganut agama Islam dan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam Senarai Negeri Butiran Satu Perlembagaan Persekutuan berdasarkan peruntukan: “...keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini...”. Ini bermakna Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa yang luas. Ia hanya dibataskan kepada pihak-pihak yang beragama

Islam sahaja. Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas orang bukan Islam walaupun dia merupakan satu pihak dalam kes-kes jenayah di bawah undang-undang Islam.

Ketiga; Mahkamah Syariah tertakluk kepada undang-undang Persekutuan dalam menjalankan bidang kuasa hukumannya. Berdasarkan peruntukan undang-undang, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang sangat terbatas sama ada dari segi jenis-jenis kesalahan yang boleh dibicarakan mahupun dari segi hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah jenayah syariah berkenaan. Malahan ia tertakluk kepada undang-undang Persekutuan. Ini dijelaskan melalui peruntukan dalam Jadual Kesembilan Senarai Negeri iaitu "...tetapi tidak mempunyai bidang kuasa kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan...".

Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa yang luas untuk menjatuhkan hukuman kerana ia tertakluk kepada peruntukan dalam Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 telah memperuntukkan bidang kuasa mahkamah dalam mengenakan hukuman kepada pesalah jenayah syariah dengan kadar yang sangat rendah iaitu penjara tidak lebih enam bulan atau denda tidak lebih seribu ringgit. Walau bagaimanapun, akta ini telah dipinda pada tahun 1984. Pindaan ini telah memberikaan kuasa yang lebih kepada Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman iaitu penjara tidak lebih tiga tahun, denda tidak lebih lima ribu ringgit atau hukuman rotan tidak lebih enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

Sehingga kini, telah ada usaha untuk mempertingkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah khususnya dalam penentuan hukuman. Cadangan pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) yang kali terakhir dipinda pada tahun 1984 telah diusahakan oleh pihak-pihak berkaitan. Pada 26 Mei 2016, Ahli Parlimen Marang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang telah diberi kebenaran oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat setelah Kerajaan bersetuju mendahulukan Usul Persendirian dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian (*Private Members Bill*) bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut;

(i) menggantikan Seksyen 2 dengan seksyen berikut;

"2. Mahkamah Syariah akan mempunyai kuasa ke atas seseorang penganut agama Islam dan di dalam hal-hal kesalahan di bawah perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Butiran 1 Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan, Undang-undang Persekutuan."; dan

(ii) memasukkan selepas Seksyen 2 dengan seksyen berikut;

"2A. dengan menjalankan undang-undang jenayah di bawah Seksyen 2, Mahkamah Syariah berhak menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang Syariah berkaitan hal-hal kesalahan yang disenaraikan di bawah seksyen yang disebutkan di atas selain daripada hukuman mati."

Cadangan pindaan Akta 355 juga hanya melibatkan peruntukan kesalahan-kesalahan sedia ada dalam enakmen jenayah negeri-negeri dan sama sekali tidak melibatkan kesalahan-kesalahan jenayah di bawah Senarai Persekutuan. Walau bagaimanapun, masih belum ada ketetapan mengenai pindaan undang-undang tersebut sehingga kini. Dengan perkembangan yang semakin mendesak kini, banyak kes-kes pendakwaan jenayah syariah yang telah dicabar di Mahkamah

Sivil, maka sudah tiba masanya pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri mengusahakan dengan tegas supaya pindaan dan pengemaskinian undang-undang dapat dibuat khususnya yang melibatkan undang-undang jenayah syariah.

3. Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Syariah

Penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah menjadi tanggung jawab dan kuasa kepada pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu, di setiap negeri telah ditubuhkan jabatan atau agensi penguatkuasaan agama yang utama dan berada di bawah Jabatan Agama Islam Negeri. Pegawai penguatkuasa agama dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri bagi menjalankan penyiasatan kesalahan jenayah Syariah dalam undang-undang. Kuasa dan bidang tugas pegawai penguatkuasa agama adalah terbatas dan terhad pada kesalahan yang berlaku dalam negeri berkenaan sahaja. Penguatkuasaan bagi kesalahan jenayah Syariah bermula dengan penerimaan maklumat atau aduan daripada orang awam oleh pegawai penguatkuasa agama. Seterusnya proses siasatan dan risikan akan dilakukan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam aduan tersebut. Proses siasatan akan melibatkan rakaman percakapan orang yang disyaki, saksi dan tangkapan, penggeledahan serta penyitaan barang-barang kes bagi mencari dan memeriksa bahan-bahan bukti dan memanggil serta memeriksa orang yang mempunyai maklumat tentang jenayah yang telah berlaku (Shamrahayu. 2016).

Ini bersesuaian dengan prinsip syarak bahawa tujuan sesuatu siasatan itu dibuat adalah untuk menentukan sejauh manakah kebenaran aduan yang dibuat oleh seseorang pengadu itu. Itu sebabnya dalam sesuatu siasatan kes jenayah syariah, bukti-bukti serta keterangan-keterangan dikumpulkan agar keadilan dapat ditegakkan. Oleh kerana itu, adalah lebih selamat sekiranya pihak berkuasa, apabila menerima sesuatu aduan mengenai sebarang perilaku jenayah, menyiasat dan mengumpulkan bukti dan keterangan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan sama ada hendak mendakwa suspek di mahkamah atau tidak (Ahmad Kazam et al. 2005). Sekiranya pembuktian mencukupi, maka proses penguatkuasaan akan diteruskan dengan mengemukakan pertuduhan dan pendakwaan di Mahkamah Syariah oleh Pendakwa Syarie.

Penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah berdasarkan beberapa prinsip asas dalam undang-undang seperti larangan mengintip dan mencari kesalahan yang tersembunyi, akses ke kawasan persendirian mestilah dengan kebenaran dan kesalahan dilakukan di tempat awam (Siti Zubaidah. 2017). Berdasarkan prinsip-prinsip asas tersebut, jelas bahawa elemen tempat adalah sangat mempengaruhi proses penguatkuasaan yang boleh dilakukan oleh pegawai penguatkuasa. Secara umumnya, skop penguatkuasaan adalah mengenal pasti kesalahan yang dilakukan di tempat awam yang zahir kepada penguatkuasa, kesalahan itu diketahui dan termasuk dalam bidang kuasa mereka.

Ini bermaksud, semasa menjalankan penyiasatan, penguatkuasa agama adalah dilarang mengintip dan mencari-cari kesalahan khususnya yang tersembunyi. Pegawai penguatkuasa agama tidak harus mengintip dan memasuki sesuatu premis secara tersembunyi dan tanpa kebenaran. Tumpuan penguatkuasaan adalah pada kesalahan yang dilakukan di tempat awam dan terbuka. Oleh itu, dalam enakmen, hampir kesemua kesalahan jenayah Syariah adalah melibatkan perlakuan jenayah di khalayak ramai dan bukannya di tempat persendirian. Kecuali bagi sesetengah kesalahan moral

seperti berkhalwat yang meletakkan elemen berdua-duaan di tempat sunyi sebagai syarat pembuktian kesalahan tersebut (Siti Zubaidah Ismail. 2017). Peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan khalwat yang menyatakan “tempat terselindung, di dalam sebuah rumah atau bilik memerlukan kepada aduan atau maklumat yang disampaikan kepada penguatkuasa agama bagi membolehkan siasatan dilakukan mengenai perbuatan tersebut. Ini penting bagi mengelakkan tanggapan penguatkuasa agama mencerooboh hak asasi persendirian pihak-pihak berkaitan (Fauziah Mohd Noor. 2009).

Justeru itu, penguatkuasaan yang dilakukan terhadap perlakuan jenayah yang berkaitan dengan tempat persendirian perlulah dilaksanakan mengikut etika dan secara berhemah. Banyak isu sebelum ini yang menuding jari kepada penguatkuasa agama atas alasan mereka sengaja mencari kesalahan dan mencerooboh tempat persendirian terutamanya bagi kesalahan kesusilaan seperti khalwat dan persetubuhan luar nikah. Shamrahayu A. Aziz (2009) menjelaskan bahawa operasi serbuan dalam kes khalwat adalah sah dan menjadi kaedah yang penting dalam mengurangkan masalah social dalam masyarakat kini. Ini kerana tindakan tersebut walaupun melibatkan premis persendirian ia adalah menepati kaedah fiqh *Sadd al-Dhara'i* iaitu sebagai sekatan kepada jalan-jalan yang menimbulkan kerosakan. Oleh itu, sebagai usaha untuk mencegah daripada berlakunya perbuatan yang lebih teruk sehingga boleh membawa kepada zina, maka perbuatan berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat sunyi, tertutup atau terlindung juga boleh dikenakan tindakan undang-undang.

4. Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995

Di Negeri Selangor, Badan Perundangan Negeri Selangor telah menggubal dan menguatkuasakan kesalahan jenayah Syariah berdasarkan peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Selangor (1995). Enakmen Jenayah Syariah ini digubal bagi mengadakan peruntukan tentang kesalahan-kesalahan Syariah dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Undang-undang ini tertakluk dan hanya diguna pakai kepada orang-orang Islam di Negeri Selangor yang melakukan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan di bawah enakmen ini dan kesalahan tersebut berlaku di dalam bidang kuasa tempatan negeri Selangor sahaja. Dalam enakmen ini, terdapat 55 seksyen keseluruhannya dan dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu;

- a. Bahagian I: Permulaan
- b. Bahagian II: Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Aqidah
- c. Bahagian III: Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya.
- d. Bahagian IV: Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan
- e. Bahagian V: Kesalahan Pelbagai
- f. Bahagian VII: Penyubahatan dan Percubaan

g. Bahagian VIII: Perkara-perkara am.

Walau pun EJS Selangor 1995 hanya mengandungi 55 peruntukan keseluruhannya, sebahagian besar peruntukan di dalam enakmen ini adalah mengenai kesalahan-kesalahan yang telah dikhususkan dalam kategori atau pembahagian mengikut jenis kesalahan iaitu akidah, kesucian agama Islam dan institusinya, kesusilaan dan pelbagai. Sebanyak 35 kesalahan jenayah Syariah berhubung orang Islam telah diperuntukkan dalam enakmen ini. Ia melibatkan 5 kesalahan bagi Bahagian II (Kesalahan Akidah), 13 kesalahan bagi Bahagian III (Kesalahan berhubung kesucian agama Islam dan institusinya), 10 kesalahan bagi Bahagian IV iaitu mengenai kesalahan kesusilaan dan 7 kesalahan bagi Bahagian V mengenai kesalahan pelbagai. Manakala peruntukan-peruntukan lain adalah mengenai kecualian am, percubaan, penyubahatan dan perkara-perkara am khususnya mengenai penubuhan pusat pemulihan dan hukuman alternatif.

Berdasarkan pembahagian kesalahan-kesalahan dalam EJS Selangor 1995, didapati peruntukan-peruntukan kesalahan adalah merujuk kepada kesalahan-kesalahan agama yang dilakukan oleh orang Islam sama seperti peruntukan kesalahan jenayah Syariah dalam enakmen-enakmen negeri-negeri lain. Kesalahan-kesalahan itu telah dikhususkan kepada empat bahagian utama iaitu kesalahan berhubung akidah seperti pemujaan salah, mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan, takfir, doktrin palsu dan dakwaan palsu. Manakala kesalahan berhubung kesucian agama Islam dan institusinya berkaitan perbuatan mempersendakan ayat al-Quran atau hadith, menghina agama Islam, mengajar tanpa tauliah, berjudi, tidak menghormati Ramadan dan sebagainya. Selain itu, kesalahan berhubung kesusilaan seperti sumbang mahram, persetubuhan luar nikah, , berkhawat, lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam. Kesalahan dan kesalahan pelbagai merujuk kepada kesalahan-kesalahan lain memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan bernikah hidup sebagai suami isteri, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, menjual atau memberikan anak kepada bukan Islam dan sebagainya.

Selain itu, kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam EJS Selangor 1995 juga didapati bukan daripada kesalahan berkaitan hudud dan qisas, tetapi merupakan hukuman takzir yang tertakluk kepada bidang kuasa hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984). Kemunculan enakmen jenayah Syariah yang baru ini sebenarnya turut membawa perubahan terhadap jumlah hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah berdasarkan had maksimum tiga tahun penjara atau lima ribu ringgit denda atau enam kali sebatan berdasarkan pindaan AMS bidang Kuasa Jenayah pada tahun 1984 (Hamid Jusoh. 2007).

Oleh itu, daripada daripada 35 peruntukan kesalahan, analisis menunjukkan terdapat pelbagai kadar hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan-kesalahan tersebut sama ada yang minimum atau maksimum. EJS Selangor memperuntukkan hukuman maksimum terhadap enam kesalahan meliputi satu kesalahan akidah iaitu doktrin palsu (seksyen 7), satu kesalahan kesucian agama Islam iaitu seksyen 11 bagi kesalahan memusnahkan atau mencemarkan masjid. Manakala lima kesalahan berhubung kesusilaan berkaitan hubungan seksual iaitu pelacuran (seksyen 23), muncikari (seksyen 24), persetubuhan luar nikah (seksyen 25), perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah (seksyen 26) dan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii (seksyen 28). Hukuman maksimum tersebut memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM5000 atau dirotan tidak melebihi 6 kali sebatan atau

mana-mana gabungan hukuman yang dinyatakan. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan lain tidak memperuntukkan hukuman maksimum. Kebanyakan hukumannya adalah dipenjara tidak lebih dua tahun atau didenda tidak lebih RM3000 atau gabungan kedua-duanya. Manakala kadar yang hukuman minimum atau rendah adalah bagi kesalahan seperti perbuatan tidak sopan di tempat awam atau tidak menghormati Ramadan bagi kesalahan kali pertama iaitu hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan. Hukuman alternatif yang bersifat memulihkan pesalah juga diperuntukkan dalam EJS Selangor 1995 bagi semua kesalahan di Bahagian II (kesalahan akidah), seksyen 9, 10 dan 11 di Bahagian III dan kesalahan kesusilaan di Bahagian IV bagi pesalah wanita.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati peruntukan kesalahan yang terdapat dalam EJS Selangor adalah menepati konsep takzir dalam undang-undang jenayah Islam walaupun terdapat kekangan undang-undang dari segi peruntukan kesalahan dan hukuman. Peruntukan dalam EJS Selangor 1995 menunjukkan ia meliputi berbagai bentuk kesalahan seperti yang berkaitan dengan kepercayaan atau keimanan, umpamanya kesalahan berhubung akidah seperti ajaran sesat dan doktrin palsu (Amir Husin et al. 2010). Undang-undang Islam juga menyentuh hukuman ke atas kesalahan berkaitan ibadat seperti mereka yang meninggalkan solat Jumaat, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak membayar zakat dan sebagainya. Selain itu, peruntukan EJS itu juga amat menitik beratkan soal akhlak seperti hukuman kepada mereka yang berzina, berkhawat, berjudi dan minum arak. Selain itu, terdapat peruntukan-peruntukan yang relevan dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat hari ini seperti muncikari, lelaki berlagak seperti perempuan, penyalahgunaan tanda halal, gangguan orang ketiga dalam perkahwinan dan sebagainya.

5. Analisis Elemen Tempat Awam dalam Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Selangor

Prinsip asas dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah di negeri-negeri telah ditetapkan hanya melibatkan perbuatan jenayah yang dilakukan di tempat awam atau di khalayak awam. Secara umumnya, skop penguatkuasaan adalah mengenal pasti kesalahan yang dilakukan di tempat awam yang zahir kepada penguatkuasa, kesalahan itu diketahui dan termasuk dalam bidang kuasa mereka. Ini bermakna, selepas maklumat atau aduan diterima oleh orang awam, penguatkuasa agama perlu memastikan bahawa aduan yang dibuat adalah berkenaan perbuatan salah yang terletak dalam bidang kuasa mereka dan terdapat dalam peruntukan undang-undang kesalahan jenayah Syariah di negeri tersebut. Perbuatan salah itu juga mestilah berada dalam had wilayah kekuasaan penguatkuasa agama berkenaan. Jika kesalahan yang diadukan adalah kesalahan yang bukan berada dalam bidang kuasa mereka maka penguatkuasa agama berkenaan tidak mempunyai kuasa untuk membuat siasatan aduan tersebut (Siti Zubaidah. 2016).

4.1 Tempat awam menurut undang-undang

Perbuatan jenayah boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di tempat persendirian atau di tempat awam. Tempat persendirian adalah melibatkan perbuatan jenayah yang dilakukan di dalam rumah, premis persendirian atau khas sahaja. Namun dalam aspek undang-undang jenayah syariah, banyak isu dibangkitkan sekiranya melibatkan perbuatan salah dalam premis persendirian kerana penguatkuasa agama sering dianggap mencerooboh kehidupan peribadi seseorang

khususnya perbuatan yang melibatkan moral dan tatasusila. Oleh sebab itu, menurut hukum syarak dan undang-undang, tiada sesiapa pun mempunyai hak untuk menggeledah premis dan menceroboh tempat persendirian hanya disebabkan syak wasangka. Ia mestilah berdasarkan aduan atau maklumat yang jelas dan etika yang betul dari segi undang-undang (Shamrahayu A. Aziz. 2016).

Ini berbeza dengan perbuatan jenayah yang dilakukan di tempat awam. Ini kerana penguatkuasa agama boleh mengambil tindakan sewajarnya sekiranya kejadian tersebut berlaku di hadapan penguatkuasa agama walaupun tiada aduan yang dibuat. Contohnya sekiranya penguat kuasa agama sedang menjalankan operasi mencegah maksiat dan sebagainya. Tempat awam dimaksudkan sebagai wilayah atau kawasan di mana orang boleh tiba-tiba muncul pada bila-bila masa. Sebagai contoh: perhentian bas, taman dan taman permainan, pendidikan, kemudahan perubatan, pengangkutan bandar, dan agensi kerajaan yang lain. Ia juga bermaksud ruang sosial yang pada umumnya dibuka dan boleh digunakan oleh orang ramai. Jalan raya (termasuk kaki lima), dataran awam, taman dan pantai biasanya dianggap ruang awam. Pada had tertentu, bangunan kerajaan yang terbuka kepada orang ramai, seperti perpustakaan awam adalah ruang awam, sungguhpun ia cenderung mempunyai kawasan terhad dan had yang lebih terkawal ketika digunakan.

Menurut undang-undang, tiada tafsiran yang jelas mengenai tempat awam yang dapat difahami daripada peruntukan kesalahan berkaitan. Walau bagaimanapun, menurut Siti Zubaidah (2017), maksud tempat awam secara umumnya adalah seperti kafe atau tempat terbuka yang dapat dilihat dan boleh dikunjungi oleh orang ramai secara bebas dan terbuka. Walaupun secara umumnya, semua kesalahan jenayah Syariah melibatkan perbuatan di tempat terbuka, terdapat peruntukan dalam undang-undang yang meletakkan secara khusus tempat awam sebagai elemen utama bagi menguatkuasakan kesalahan tersebut. Antaranya kesalahan perbuatan tidak sopan yang dilakukan di tempat awam, kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan di mana seseorang yang melakukan perbuatan tersebut hanya boleh ditangkap jika berpakaian seperti wanita di tempat-tempat awam dan dikunjungi ramai orang

4.2 Jenis Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah Melibatkan Elemen Tempat Awam

Secara umumnya, semua kesalahan jenayah Syariah yang diperuntukkan dalam EJS Selangor 1995 adalah kesalahan yang melibatkan perlakuan atau perbuatan salah di khalayak awam atau tempat awam. Tetapi terdapat enam kesalahan dalam EJS Selangor 1995 yang memperuntukkan secara khusus mengenai elemen tempat awam dalam peruntukan kesalahan tersebut sebagai asas penting yang perlu diberi perhatian oleh penguatkuasa agama semasa melaksanakan penguatkuasaan undang-undang. Jadual 1 menunjukkan perincian kesalahan tersebut:

Jadual 1: Peruntukan Kesalahan Melibatkan Tempat Awam

Bil	Peruntukan	Jenis Kesalahan	Hukuman
1	Seksyen 7 – Doktrin palsu	Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat sama ada persendirian atau	Denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun

		tempat awam , jika perbuatan tersebut bertentangan dengan hukum syarak atau fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri	atau disebut tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
2	Seksyen 14 – Mengajar tanpa tauliah	Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah di bawah seksyen 79(3) Enakmen Pentadbiran. Seksyen ini tidak terpakai bagi seseorang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam di kediamannya sendiri dan dengan kehadiran anggota keluarganya sendiri.	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
3	Seksyen 18 – Minuman yang memabukkan	Mana-mana orang yang di mana-mana kedai atau tempat awam lain , minum apa-apa minuman yang memabukkan	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
4	Seksyen 19 – Tidak menghormati Ramadan	Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan: (a) Menjual kepada mana-mana orang Islam atau membeli apa-apa makanan atau minuman atau rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap dalam waktu itu; (b) secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau apa-apa benda yang seumpama dengannya	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

5	Seksyen 30 – Lelaki berlagak seperti perempuan	Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral	Denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
6	Seksyen 31 – Perbuatan tidak sopan di tempat awam	Mana-mana orang yang dengan sengaja bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam	Denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Sumber: Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa terdapat enam kesalahan dalam EJS Selangor 1995 yang memperuntukkan secara khusus elemen tempat awam sebagai syarat penguatkuasaan perbuatan jenayah tersebut boleh diambil tindakan. Kesalahan-kesalahan tersebut meliputi kesalahan akidah iaitu doktrin palsu, kesalahan kesucian agama Islam iaitu mengajar agama tanpa tauliah, minuman yang memabukkan dan tidak menghormati Ramadan serta kesalahan kesucian iaitu lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan penyebaran doktrin palsu yang bertentangan dengan hukum syarak dan fatwa yang sedang berkuatkuasa dalam negeri, penguatkuasaan kesalahan tersebut boleh dilakukan sama ada penyebaran tersebut berlaku di premis persendirian mahupun tempat awam.

Implikasi daripada peruntukan khusus berkaitan elemen tempat awam ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan kesalahan-kesalahan tersebut hanya boleh dikuatkuasakan sekiranya perbuatan salah tersebut dilakukan di tempat awam atau di khalayak ramai. Penguatkuasaan di tempat persendirian memerlukan kepada aduan dan pembuktian yang jelas. Sebagai contoh dalam kes perbuatan tidak sopan iaitu *Pendakwa Syarie lwn. Fahyu Hanim bt. Ahmad dan lain-lain* (2000) JH 137, pendakwaan dibuat atas kesalahan di bawah seksyen 31 kerana tiga orang tertuduh telah didapati melakukan perbuatan tidak sopan iaitu memakai pakaian yang tidak sopan, seksi dan menggiurkan semasa terlibat dalam pertandingan ratu cantik di sebuah hotel di Petaling Jaya yang dihadiri oleh orang ramai.

Selain itu, peruntukan ini juga menunjukkan seolah-olah tiada penguatkuasaan yang boleh dibuat oleh penguatkuasa agama sekiranya perbuatan salah tersebut dilakukan dalam premis persendirian mereka. Seperti seorang yang tidak berpuasa dan makan dalam rumah sendiri, lelaki yang berpakaian seperti perempuan dalam rumah yang tertutup atau seseorang yang minum minuman memabukkan dalam rumah. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan itu meletakkan satu elemen khusus mengenai tempat sebagai elemen bagi kesalahan tersebut selain daripada elemen pelaku dan jenis perbuatan.

6. Kesimpulan

Penulisan ini merumuskan bahawa elemen perbuatan salah yang melibatkan perlakuan di tempat awam adalah elemen utama bagi penguatkuasaan kebanyakan peruntukan kesalahan dalam EJS Selangor 1995. Penguatkuasaan di tempat persendirian memerlukan kepada aduan dan pembuktian yang jelas. Dalam EJS Selangor 1995, terdapat enam kesalahan yang memperuntukkan elemen tempat awam sebagai salah satu daripada elemen yang perlu dibuktikan dan boleh dikuatkuasakan bagi membolehkan tindakan undang-undang dikuatkuasakan. Daripada peruntukan tersebut juga jelas menunjukkan usaha-usaha pihak berkuasa agama untuk mengekang perbuatan salah yang boleh memberi kesan buruk kepada agama dan masyarakat. Oleh itu, jelas bahawa penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah selaras dengan prinsip *amar makruf nahi mungkar* dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat.

7. Rujukan

Abdul Halim El-Muhammady. 1998. *Undang-undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri*. Bangi: UKM

Ahmad Hidayat Buang ed. 2005. *Mahkamah Syariah di Malaysia. Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Ahmad Kazam dan Mazupi Abdul Rahman. 2005. Siasatan Kes Jenayah Syariah Di Bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan). *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*. 9(2005) 1-18

Amir Husin Mohd Noor et al. (peny.). 2010. *Kesalahan Jenayah Aqidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah UKM

Fauziah Mohd Noor. 2009. Serbuan dalam Kes Khalwat di Malaysia-Konflik antara Etika Dalam Islam dan Maqasid al-Syariah. *Jurnal Hukum*. 9 (1). 2009. 1-18

Hamid Jusoh. 2007. Perkembangan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. Dalam Nasimah Hussin et al. 2007. *Undang-undang Islam. Jenayah Keterangan dan Prosedur*. Kuala Lumpur: DBP

Nor 'Adha Ab Hamid et al. 2017. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia: Kajian Keseragaman Dan Ketidakeragaman Bagi Peruntukan Kesalahan Tatasusila. *Prosiding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE)*. 13th -14th December 2017, Grand Bluewave Hotel Shah Alam, Malaysia,

Shamrahayu A. Aziz. 2016. *Isu Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP

Siti Zubaidah Ismail, 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM

Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: DBP

Zaini Nasohah. 2010. *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah UKM

Zurul Iman Bin Zakaria, Zaini Bin Nasohah. 2019. Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and law* . Vol 7, No.1, June 2019. 13-26

Statut:

Perlembagaan Persekutuan

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003